

**Lupus Proton perelaskan lagi peranan sebenar kerajaan
Utusan Online
Januari 16, 2012**

PERKHABARAN semakin hangat bahawa DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom) akan menjadi pemegang saham terbesar dalam Proton Holdings Bhd. (Proton), pengeluar kereta nasional.

Kehangatan itu bermula dengan laporan berita yang menyatakan Khazanah bakal melepaskan seluruh pegangannya dalam syarikat pembuat kereta nasional itu.

Tindakan Khazanah itu, sebenarnya adalah langkah berterusan sayap pelaburan negara untuk melepaskan pegangan dalam syarikat milik kerajaan sejajar dengan peranan kerajaan dalam perniagaan ataupun GRIB, antara usaha yang ditetapkan dalam Program Transformasi Kerajaan (PTK).

Seperti mana dinyatakan sebelumnya, peranan kerajaan dalam perniagaan hanya sebagai pemudah cara apabila sektor swasta memerlukan gandingan kerajaan untuk melabur di dalam sesebuah projek yang membawa keuntungan untuk pendapatan negara kasar.

Pelaksanaan perancangan GRIB adalah kaedah yang dikenal pasti untuk membolehkan kerajaan melepaskan pegangan saham dalam perniagaan apabila dirasakan wajar dan perlu.

Langkah berkenaan juga menyediakan sumber hasil baharu kepada kerajaan dan paling penting sekali menggalakkan organisasi berdaya saing dalam pasaran dan industri sama ada di dalam negara dan di peringkat global.

Menurut Ketua Penyelidikan Affin Investment Bank Bhd., **Dr. Nazri Khan**, Program Transformasi GLC kini memasuki tahun kelapan dan pelupusan saham setakat ini telah berjaya menjanakan hasil dan menjadi satu sumber keuntungan baharu untuk kerajaan.

Pelupusan kepentingan dijangka mampu membantu sekiranya kerajaan berdepan kemungkinan menghadapi kekangan fiskal dengan ketidaktentuan ekonomi dunia.

Selain itu, pelaksanaan GRIB juga boleh mewujudkan kecairan dagangan, yang mana satu peratus pengurangan pemegangan kerajaan boleh menyediakan kecairan sebanyak RM8 billion, sekali gus membantu meningkatkan daya tarikan Bursa Malaysia kepada para pelabur asing.

Bermula dengan Time dotCom Bhd. (Time DotCom), Khazanah telah melupuskan pegangannya secara berhemah dan juga sistematik. Secara kebiasaannya pelabur akan mengutamakan harga jualan yang akan menetapkan keuntungan yang bakal diperoleh tetapi Khazanah menggunakan proses pemilihan yang berbeza.

Selain harga pelupusan, pelbagai kriteria lain juga diambil kira, termasuk kesinambungan syarikat, keupayaan pemilik baharu untuk membawa syarikat ke tahap pertumbuhan yang seterusnya serta kepentingan kebajikan pekerja dipertahankan.

Jika dilihat kepada kejayaan yang dicapai oleh Time dotCom kini, proses pemilihan yang diguna pakai itu menampakkan kejayaan. Usahawan yang dipilih menerajui syarikat berkenaan, **Afzal Abdul Rahim** yang juga adalah ketua pegawai eksekutifnya, berjaya meningkatkan prestasi syarikat.

Time dotCom telah pun memperkukuh kedudukannya dan kini mengorak langkah untuk melebarkan perniagaannya ke peringkat serantau dengan perkongsian yang dimeterai dengan Kumpulan Global Transit.

Proses pelupusan Time dotCom menjadi penanda aras kepada strategi pemindahan aset ataupun pegangan majoriti Khazanah dalam syarikat yang di bawah portfolionya.

Pada tahun lepas, Khazanah telah melengkapkan proses penjualan keseluruhan sahamnya di dalam Pos Malaysia Bhd. kepada DRB-Hicom.

Pelepasan kepentingan 32.21 peratus dilakukan berdasarkan strategi yang kukuh dan disokong oleh pelan perniagaan yang kuat di samping harga pembelian yang bagus.

Dalam memindahkan pegangan kepentingan kepada 'syarikat baharu', Khazanah telah menentukan proses yang dijalankan adalah telus, mengutamakan komitmennya sebagai penjual yang berhemah dan bertanggungjawab, bukan saja aspek perniagaan yang diteliti, malah kepentingan pekerja juga turut dilihat.

Sehubungan itu, jika dilihat kepada pencapaian yang dilakukan setakat ini, tidak hairanlah proses juga sesuai untuk dilakukan dalam industri automotif dalam memilih pengganti Khazanah Holdings Bhd, (Khazanah) sebagai pemegang saham terbesar Proton.

Pengarah Urusan Khazanah, **Tan Sri Azman Mokhtar** pernah menyatakan pelepasan kepentingan Proton bukan dilakukan kerana keuntungan wang ringgit semata-mata tapi bertujuan menaiktarafkan Proton dan industri automotif tempatan.

Memang tidak boleh dinafikan Proton perlu meningkat prestasinya melalui kecekapan yang lebih bagus dengan skala lebih besar melalui perikatan ataupun gabungan.

Menurut Azman, Khazanah telah menerima pelbagai tawaran untuk mewujudkan bentuk-bentuk kerjasama termasuk pemerolehan kepentingan dalam Proton.

Setiap tawaran telah diberikan pertimbangan yang serius. Tidak seperti Pos Malaysia, yang mana bakal pembeli dinilai daripada segi keupayaan penambahan nilai aset sedia ada, penilaian Proton memerlukan pendekatan berbeza.

Khazanah sebagai penjual yang bertanggungjawab, perlu mengenal pasti pembida paling layak dan cekap daripada segi teknikal, di samping aspek perniagaan dan kewangan.

Dalam kes Proton, dasar automotif negara adalah faktor penting yang perlu dipertimbangkan bagi membantu meningkatkan Proton dan juga industri kereta nasional.

Jadi "pengganti" yang dipilih tentunya perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk membawa Proton ke peringkat lebih tinggi seperti yang dirancang ketika penubuhannya - sebagai pengeluar kereta serantau Asia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm